



Headline **MIMOS Dan Perkembangan Teknologi Maklumat**
 Date **10. Apr 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Dewan Ekonomi** Page No **22to24**
 Section **NEWS** Article Size **1370** cm2
 Circulation **35000** Frequency **Monthly**
 Readership **70000** Color **Full Color**



Wawancara



MIMOS DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Oleh *Muhammad Azli Shukri dan Muhamad Rafiq Abdul Rahman*

Sidang editor *Dewan Ekonomi* berkesempatan mewawancara Dato' Abdul Wahab Abdullah, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad bagi mendapat gambaran terhadap perkembangan industri teknologi maklumat di negara ini.

Dewan Ekonomi (DE): Bagaimanakah sejarah penubuhan MIMOS?

Dato' Abdul Wahab Abdullah (AWA): Pihak MIMOS pada satu ketika telah terlibat dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (KRM) yang merupakan entiti utama syarikat. Bidang yang terlibat di bawah MIMOS ialah pendidikan, membuat polisi untuk kerajaan yang berkaitan dengan KRM dan menjalankan perniagaan, itulah perkara yang diusahakan sejak tahun 1996. Pada tahun 2005, keputusan kabinet telah dicapai dengan meminta

MIMOS untuk kembali menumpukan perhatian yang utama kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P).

Bidang perniagaan yang dijalankan MIMOS telah dihentikan, berikutan nasihat serta tumpuan utama yang diberikan oleh kerajaan supaya melaksanakan P&P dengan lebih dinamik. Dalam penyediaan polisi pula, MIMOS berganding bahu dengan kerajaan bagi penyediaan polisi dalam bidang teknologi maklumat (IT). Namun demikian, setelah penstrukturan semula, penyediaan polisi ini diberikan semula kepada kementerian yang bertanggungjawab.

Sebelum saya mengambil alih kepimpinan daripada Datuk Dr. Tengku Azman, beliau telah membawa MIMOS ke suatu landasan yang tepat dan baik. Beliau berjaya membawa MIMOS ke peringkat yang lebih tinggi dalam usaha

menguasai dunia teknologi maklumat (IT). Ketika itu, P&P merupakan satu daripada alat akademik yang membantu dalam bidang pendidikan. Oleh sebab arah tuju kerajaan kepada ekonomi maju, tumpuan sekarang adalah untuk membangunkan industri tempatan.

Dalam hal ini, pihak MIMOS menunjukkan satu misi yang jelas dalam merealisasikan impian kerajaan untuk berada setanding dengan pemain utama dalam bidang IT di dunia. Untuk itu, kami perlu mempunyai entiti sendiri untuk bersaing di peringkat dunia. Pengalaman saya selama 27 tahun di syarikat multinasional yang bertanggungjawab terhadap pusat IT di Malaysia, Singapura, China dan Jepun, khusus dalam bidang P&P, diperlukan untuk membawa MIMOS menjadi sebuah agensi yang berjaya dalam P&P yang melibatkan bidang KRM.

DE: Industri manakah yang merupakan fokus utama MIMOS?

AWA: Seperti yang disebut sebentar tadi, MIMOS diamanahkan untuk memberikan keutamaan kepada industri KRM. Kami sendiri menumpukan pada lima teknologi yang utama, iaitu komputeran grid (grid computing) yang merupakan satu jenis komputer yang berteknologi tinggi dan komputer super untuk negara. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan infrastruktur IT yang lebih menjuruskan pembinaan institusi IT.

Keduanya pula ialah pengetahuan teknologi (Knowledge Technology) yang merupakan platform untuk semua web perkhidmatan. Ketiga, Keselamatan Ruang Siber (Cyberspace Security), keempat, Teknologi Komunikasi (Communication Technology) dan kelima, Informasi Lanjutan (Advanced Informatics).

DE: Apakah transformasi yang dijalankan oleh MIMOS bagi memastikan agensi ini mampu bersaing di peringkat global?

AWA: Kini, saya sedang membuat satu transformasi untuk MIMOS. Hal ini bertujuan untuk mengubah kaedah yang dilakukan dahulu yang hanya menumpukan pada P&P akademik, tetapi kini kami menumpukan pada P&P yang berpaksikan usaha membantu industri.

MIMOS juga membangunkan industri untuk persediaan bersaing di peringkat global. Selain itu, kami meletakkan sasaran utama untuk menjadikan MIMOS sebagai sebuah pusat penyelidikan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kami bercita-cita sedemikian dengan tujuan untuk memastikan wujudnya kesediaan dan keupayaan yang tinggi yang mampu membantu peringkat bawahan pula. Selain itu, transformasi yang dilakukan tertumpu pada pembangunan modal insan. Kami mewujudkan proses daya saing yang setanding dengan syarikat multinasional. Oleh sebab itu apabila pelanggan datang ke MIMOS mereka

tidak berasa seperti berada di sebuah agensi kerajaan, tetapi sebuah syarikat swasta yang berdaya saing.

Perkara inilah yang diterapkan kepada semua kakitangan MIMOS. Saya sendiri membentuk budaya ini dengan mengubah pemikiran minda mereka agar MIMOS duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan syarikat swasta.

Kami juga berpegang kepada Satria 1, iaitu prinsip dan etika kerja yang saya bentuk untuk kakitangan kami di sini agar lebih berdaya saing dan berdisiplin. Hal ini merupakan matlamat utama dalam usaha menjadi pendahulu di dunia.

DE: Bagaimana persaingan antara syarikat IT di luar negara?

AWA: Persaingan antara negara luar sememangnya tinggi. Sebagai contoh, Taiwan ialah negara yang mempunyai institusi IT yang sudah banyak membangun. Taiwan meletakkan pembangunan IT sebagai satu persaingan yang utama bagi negaranya. Oleh hal yang demikian, mereka

mewujudkan daya saing antara syarikat tempatan dan syarikat luar negara. Perkara yang dilakukan oleh Taiwan belum berlaku di Malaysia.

Menjadi tanggungjawab saya untuk membuat transformasi dalam MIMOS dengan menumpukan kerja-kerja pada *intellectual property* (IP). IP merupakan satu kerangka yang boleh digunakan dalam industri ini. Dalam dunia IT, IP ialah satu alat yang sangat penting untuk menentukan kerjasama antara syarikat. Apabila menjalankan sesuatu urusan niaga, sesebuah syarikat akan membuat perjanjian pertukaran produk dan IP sangat penting dalam hal ini.

Alhamdulillah hasil yang kami peroleh daripada IP telah mewujudkan jalinan kerjasama serantau antara Malaysia dengan Taiwan, Korea dan India. Seperti kita maklum, India merupakan negara IT yang terhebat di dunia dan MIMOS telah menjalankan beberapa proses niaga dengan syarikat utama IT yang pakar dalam bidang P&P.

Persoalannya sekarang, adakah Malaysia boleh menjadi seperti India, Taiwan dan China? Jawapannya, tidak. Cuma kini, kami perlu tahu bagaimana kami mahu membawa negara seperti India, Taiwan dan China datang ke sini, bekerja dengan mereka dan mempelajari kepakaran yang dikuasai mereka.

DE: Adakah syarikat tempatan mempunyai kesedaran mengenai potensi Malaysia di dunia?

AWA: Untuk masa sekarang, syarikat tempatan hanya mempunyai teknologi dari luar. Maksudnya, teknologi yang digunakan oleh mereka diimport dari luar. Saya mengetahui hal ini berdasarkan pengalaman saya di peringkat multinasional. Mereka hanyalah sebuah syarikat yang menerima teknologi dan menjual teknologi ke pasaran.

Teknologi ini tidak boleh dibawa keluar, berbanding dengan syarikat multinasional yang sudah ada wakilnya di luar. Oleh sebab itu, saya sedang menukar landskap perjanjian, kami



perlu mempunyai teknologi sendiri dan MIMOS akan membantu dalam membentuk platform bagi memudahkan pemain industri tempatan untuk memasuki pasaran tertentu.

Dengan hal demikian, industri tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli teknologi, sebaliknya hanya mengeluarkan satu jumlah yang kecil untuk membuat permohonan tersebut. Berdasarkan platform yang sedia ada, pemain tempatan boleh menembusi pasaran luar dengan cepat.

Selain itu, bagi memastikan agar kami berjaya menjalinkan hubungan dua hala dengan syarikat-syarikat utama dunia dalam bidang IT, melalui platform yang disediakan oleh MIMOS ini akan menjadi titik tolak kejayaan industri di peringkat global.

Itulah tugas utama MIMOS dalam mewujudkan teknologi platform untuk diberikan kepada industri supaya menjadi yang pertama dalam struktur pasaran, mengurangkan kos yang berkaitan kerana penyediaan platform oleh MIMOS dan kos pembangunan industri akan menjadi murah.

Kami juga sudah mendapatkan kata putus daripada MIMOS dan MDeC yang bersetuju untuk membangunkan industri yang dikelola oleh MOSTI. MIMOS akan bertanggungjawab dalam mencari kaedah yang paling efisien untuk mengurangkan risiko. MDeC akan membuat penilaian mengenai keperluan dana yang berkaitan.

DE: Adakah ketika ini, Malaysia seiring dengan perkembangan IT di dunia dan mampukah sasaran 2020 dicapai?

AWA: Jika kita lihat ketika ini, zaman Tun Mahathir Mohamad dan zaman Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dari segi konsep berbeza, tetapi selari arahnya. Semasa Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, kami masih di peringkat pembangunan infrastruktur yang merupakan perkara pokok untuk memastikan pelabur selesa dengan kemudahan asas yang diperlukan, selain menyediakan kemudahan lain

yang setanding dengan negara IT di dunia.

Tun Dr. Mahathir lebih memberikan tumpuan pada penjenamaan semula Malaysia dari segi infrastruktur. Setelah Datuk Seri Abdullah mengambil alih kepimpinan, beliau menumpukan pula pada pembangunan modal insan. Perkara ini sememangnya sesuatu yang diperlukan demi kemajuan dan persediaan kami untuk melangkah lebih tinggi dalam persaingan globalisasi.

Walaupun mempunyai infrastruktur yang elok, tanpa pengisian yang setanding dengan kemudahan tersebut, hal ini tidak bermakna. Oleh sebab itu, apabila Abdullah memberikan fokus terhadap pembangunan modal insan, tindakan ini sangat selari dengan apa-apa yang telah dirancang oleh Tun Dr. Mahathir.

Sebagai contoh India, walaupun negara mereka tidak maju seperti Malaysia, orang di sana lebih maju dan berpengetahuan luas dalam bidang IT. Mereka mampu menguasai semua teknologi IT dengan baik dan hasrat inilah yang diinginkan oleh Perdana Menteri ketika ini. Walaupun Malaysia mempunyai infrastruktur yang baik, tetapi tidak mempunyai ilmu dalam bidang tersebut, perkara ini hanyalah sia-sia.

DE: Apakah maksud sebenar penyelidikan dan pembangunan dalam konteks MIMOS?

AWA: Banyak orang hanya tahu menyebut P&P tanpa mengerti maksud sebenarnya. Ada pula yang hanya melakukan penyelidikan, tetapi telah menyatakan bahawa P&P dilaksanakan oleh mereka dengan sepenuhnya. Pemahaman inilah yang mula-mula perlu difahami untuk memastikan P&P yang dijalankan benar-benar berkesan dan berjaya.

Penyelidikan terbahagi kepada dua, iaitu penyelidikan asas dan penerimaan penyelidikan. Sementara pembangunan juga terbahagi kepada dua, iaitu kemajuan teknologi dan pembangunan produk.

Contoh mudah untuk mengetahui hal ini ialah seperti kita sedang membuat rumah. Tanah yang hendak dibuat batu bata ialah penyelidikan asas, dan penerimaan penyelidikan pula ialah hasil daripada tanah tersebut yang menjadi batu bata.

Berlainan pula untuk kemajuan teknologi yang memerlukan seseorang arkitek rumah tersebut yang mempunyai kemahiran untuk menggunakan bahan asas yang sedia ada dan membina sebuah rumah mengikut kreativitinya.

Hal inilah yang Malaysia masih tidak mampu membinanya dalam bidang IT. Syarikat tempatan hanya mengimport kemajuan teknologi untuk dijual dan digunakan di Malaysia. Sementara pembangunan produk akan memerhatikan struktur atau pelan yang sesuai untuk dibangunkan menjadi rumah. Acuan keempat-empat inilah yang diperlukan dalam P&P, bagi memastikan Malaysia mampu menandingi keupayaan negara lain.

Namun demikian, kini, negara kita telah mula melangkah dalam membentuk P&P yang baik. Universiti yang melahirkan modal insan akan memfokuskan penyelidikan asas dan MIMOS akan memberikan fokus kepada penerimaan penyelidikan.

Bagi kemajuan teknologi, kami juga meminta pihak universiti untuk bersama-sama dalam membangunkan hal ini kerana perkara ini memerlukan sekurang-kurangnya tiga tahun hingga lima tahun untuk diadaptasikan.

Sementara itu, untuk pembangunan produk, kami memberikan sepenuhnya kepada industri untuk dinilai oleh mereka dan membuat produk mengikut keperluan pengguna. Masa yang diperlukan untuk membina produk ini memakan masa selama setahun. Kami tidak mahu industri mengambil masa yang lama dalam menjalankan kemajuan teknologi, MIMOS yang mengambil risiko ini. ■